



JOHOR BANGKIT MAJU BERMARUAH

Tawaran
PAKATAN HARAPAN
untuk Rakyat Johor 
2022-2027


TERAS TAWARAN



**Membina Semula
Ekonomi Rakyat**



**Menjamin
Kesejahteraan Rakyat**



**Mewujudkan Pentadbiran
Bersih, Cekap dan
Bermaruah**

Berdasarkan prestasi Kerajaan Pakatan Harapan (PH) 2018-2020, kami pohon agar pengundi-rakyat Johor memberi sokongan kepada PH untuk membentuk kerajaan buat tahun 2022-2027.

Dengan komitmen pengurusan yang cekap dan bersih, pentadbiran Pakatan Harapan yang lalu telah:

- ✓ • Berjaya melaksanakan sepenuhnya 4,446 projek atau 93.4% dari 4,762.
- ✓ • Berjaya menurunkan hutang awam kerajaan negeri Johor sebanyak RM298 juta atau 57.3% dari sebelumnya iaitu RM520 juta.
- ✓ • Berjaya meningkatkan kutipan hasil kerajaan negeri Johor sebanyak RM202.3 juta.
- ✓ • Berjaya melancarkan program untuk meningkatkan 'Kesejahteraan Rakyat' termasuk
 - (i) Kad Sihat Johor
 - (ii) Program Kebajikan Rakyat Johor
 - (iii) Program Pembangunan Wanita
 - (iv) Program Pembangunan Belia dan Keusahawanan
- ✓ • Berjaya menarik peningkatan pelaburan dari pelabur-pelabur antarabangsa dan juga domestik :
 - (i) RM4.1 billion dalam sektor Perkhidmatan.
 - (ii) RM3.8 billion dalam sektor Pembuatan
 - (iii) RM200 juta dlm sektor Pertanian.
 - (iv) RM23.9 billion dlm sektor Pelancongan dan Pengkuarian.
- ✓ • Berjaya menambah peluang bekerja dengan kadar penyertaan tenaga buruh di Johor meningkat dari 67% (2017) kepada 70.3 (2019). Pengangguran menurun dari 3.4% kepada 2.7% dalam tempoh sama.
- ✓ • Berjaya meningkatkan pendapatan penengah (median) isi-rumah penduduk Johor dari RM5,652 kepada RM6,772.

Dengan prestasi Kerajaan PH, kami merayu kepada Rakyat-Pengundi Johor supaya kembalikan Kerajaan PH, buat menjamin masa depan Bangsa Johor supaya negeri Johor terus "Maju Bermanuah"!

Kami mendengar suara rakyat Johor



UNDI HARAPAN BAWA PERUBAHAN

拥抱希望 希望带来改变
ஹராப்பானுக்கு வாக்களிப்போம்,
看见改变 மாற்றத்தைக் கொண்டு வருவோம்!



**JOHOR
BANGKIT**
柔佛启航 重建希望



Selepas pertukaran kerajaan PH ke PN dan kini BN, ekonomi negeri berada di takuk lama dan tidak berkembang. Rakyat terus terbeban dengan kos sara hidup, kehilangan pekerjaan dan pendapatan, menanggung tekanan emosi dan jiwa lantas kecewa.

Ramai anak muda berpelajaran tinggi bekerja sebagai cashier, pekerja sambilan dan ada menganggur. Pekerja tempatan pula dipotong gaji dan ramai yang dibuang pekerja.

Ramai ibubapa bergelut untuk memastikan 'makanan dapat diletakkan di atas meja' untuk kesinambungan kehidupan anak-anak mereka.

Pengurusan pandemik oleh kerajaan negeri yang kerap bercelaru menyebabkan kes kematian yang tinggi dan kemerosotan ekonomi yang serius.

Tawaran **Pakatan Harapan untuk Negeri Johor 2022 – 2027**

Pilihanraya Negeri Johor 2022 memberi peluang kepada rakyat Johor untuk memilih kerajaan untuk selama 5 tahun (2022-2027). Rakyat berhak mendapat tawaran yang terbaik daripada semua parti-parti yang bertanding.

Dengan pengalaman pentadbiran, kejayaan yang dilaksanakan, Pakatan Harapan dengan rendah diri ingin menampilkan Tawaran Pakatan Harapan kepada rakyat negeri Johor.

3 TERAS TAWARAN



**Membina Semula
Ekonomi Rakyat**



**Menjamin
Kesejahteraan Rakyat**



**Mewujudkan Pentadbiran
Bersih, Cekap dan
Bermaruah**



TERAS 1



Membina Semula Ekonomi Rakyat

- Kami memahami masalah yang dihadapi oleh **golongan penganggur** dan **pekerja sambilan** yang hidup kais pagi makan pagi.
- Kami memahami masalah **graduan kelayakan tinggi** tapi **tidak mempunyai peluang pekerjaan** bersesuaian di Johor.
- Kami memahami **ketidak-seimbangan pembangunan bandar dan desa**.
- Kami menyedari **kesan buruk** wabak **Covid-19** kepada **ekonomi Negeri Johor** termasuk **perjalanan ulang-alik ke Singapura**.
- Kami akan tumpukan untuk **memulihkan** dan **membina semula ekonomi Johor** dengan mampan dan pintar.



Sebagai langkah utama untuk memulih dan membina semula ekonomi rakyat, kami kemukakan Tawaran Tindakan (TT) seperti berikut:




TT 1: Mengusahakan Pembukaan Penuh Sempadan Johor-Singapura (TEST & RELEASE) - Memberi peluang kepada Rakyat Johor yang bekerja di Singapura untuk berulang alik dengan SOP yang dibenarkan oleh KKM.


TT 2: Merapatkan jurang pembangunan di antara daerah dengan melaksanakan pelan pembangunan yang komprehensif untuk Johor Utara, Johor Timur, Johor Tengah dan Johor Selatan berdasarkan keperluan dan kemampuan kawasan masing-masing dengan maklumbalas ("input") yang sesuai dari semua pihak berkepentingan - kerajaan, majikan, NGO dan rakyat jelata.



TT 3: Merencanakan Program Pelancongan #JELAJAHJOHOR untuk pergiatkan Industri Pelancongan negeri Johor terutamanya di Johor Selatan, Timur, Tengah, Barat dan Utara. Untuk ini peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Wakil Rakyat/Ahli Majlis akan dilibatkan.

TT 4: Menumpukan usaha untuk meningkatkan kemahiran semula (reskilling dan upskilling) dan latihan amali ("internship") untuk pekerja-pelajar TVET secara kerjasama pihak Awam-Swasta di SMEs dan MNCs. Perbanyakkan peluang latihan teknikal dan vokasional (TVET) khasnya untuk golongan muda di negeri Johor. Dalam tempoh 5 tahun pentadbiran PH, University Johor akan diwujudkan hasil gabungan YPJ dan KPJUC khususnya dalam bidang TVET (Kemahiran Tinggi dan Professional).





TT 5: Menarik pelaburan tempatan dan pelaburan asing untuk mengusahakan tanah pertanian dan perladangan dengan penggunaan cara pertanian pintar “smart agriculture” seperti “digital soil mapping” untuk kesuburan tanah dan penggunaan baja, “digital mapping”. Kerajaan negeri dan PBT juga akan membenarkan aktiviti pembuatan dan pelancongan dijalankan di atas tanah pertanian dan perladangan sebagai satu inisiatif “holistic farming” yang melibatkan pembuatan skala kecil (“small-scale manufacturing”) dan pelancongan-agri (“agriculture tourism”).

TT 6: Mewujudkan Hab Logistik & Perdagangan E-Commerce di Johor Utara, Tengah dan Selatan, untuk melibatkan kawasan separuh dan luar bandar dalam kegiatan dan perdagangan E-Commerce dalam “Ekonomi Hijau”, “Ekonomi Digital”, “Pembuatan Pintar”, “Perkhidmatan Pelancongan Kesihatan”.



TT 7: Fokus usaha menarik pelaburan industri strategik yang menawarkan pekerjaan berkualiti kepada para graduan kita. Strategi perkongsian “Win-Win” dengan Singapura dan Indonesia untuk pertingkatkan FDI di rantau “SIJORI Growth Triangle” (Singapura-Johor-Riau).



TT 8: Mewujudkan insentif dan eko-sistem yang membantu dan menggalakkan “Wanita Kembali Kerja” dan menaiktaraf pusat penjagaan kanak-kanak. Insentif akan diberikan kepada majikan yang memperuntukkan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

TT 9: Merapatkan jurang pembangunan bandar dan desa yang ketara di negeri Johor dari segi infrastruktur fizikal dan juga digital. Sebagai contoh kerajaan negeri, PBT dan wakil rakyat akan diberikan KPI untuk memantau pelaksanaan program kerajaan persekutuan JENDELA yang sepatutnya membawa jalur lebar kelajuan tinggi (“High Speed Broad Band / HSBB”) dan liputan 4G yang lebih komprehensif ke tempat separuh dan luar bandar.



TT 10: Memberikan modal awalan RM5,000 - RM10,000 kepada usahawan muda yang berpotensi dengan penekanan kepada sektor pertanian moden, e-dagang, robotic dan pelbagai sektor penting di Johor.

TT 11: Meningkatkan kualiti pengangkutan awam dengan pelaksanaan Bas Rapid Transit (BRT) di kawasan pentadbiran IRDA, Rapid Transit System (RTS) antara Singapura ke JB Sentral, Landasan Berkembar Elektrik Gemas-JB, memperkasakan Bas Muafakat Johor (percuma) dan menyediakan Sistem Monorail antara Kulai-JB dengan menggunakan laluan berkembar.



TT 12: Mempromosi dan menjalankan pertandingan dan acara sukan tahap tempatan, negeri, nasional dan antarabangsa sebagai langkah untuk memajukan sektor sukan sebagai sektor ekonomi yang penting. Aktiviti sukan seperti pertandingan IRONMAN di Desaru, "Mountain Biking" dan "Trail Running" di Gunung Ledah / Belumut / Pulai / Panti / Tiong, lumba basikal merentas negeri Johor, "friendly-match" dengan pasukan dari Liga EPL, Spanish League, Bundesliga di Stadium Sultan Ibrahim yang bertaraf "world-class", adalah beberapa contoh sebagai permulaan.

TT 13: Membangunkan E-Sport berskala besar di peringkat Negeri Johor dengan melaksanakan kegiatan E-Sport di peringkat daerah dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian Belia dan Sukan. Menjadikan negeri Johor sebagai pusat latihan dan pembangunan e-sport dengan kerjasama pihak swasta sebagai "co-sponsor" pasukan e-sports di setiap peringkat pertandingan. Penerapan budaya sihat dalam dunia e-sport secara menarik dan berkesan.

TT 14: Pembukaan sempadan akan kembali merancakkan pasaran hartanah Negeri Johor yang sedang mengalami lambakan hartanah tidak terjual khususnya yang berharga RM500k ke atas. Program Malaysia My Second Home (MM2H) antara tarikan utama.



Menjamin Kesejahteraan Rakyat

TERAS 2

- Kami sangat menyedari bahawa **Rakyat terbeban** dengan **kenaikan kos sara hidup**; Harga ayam, sayur dan buah-buahan telah meningkat berlipat kali ganda.
- Kami sangat insaf akan **tekanan mental dan gangguan emosi** kepada ahli keluarga termasuk anak-anak kerana terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran kehidupan akibat pandemic Covid-19 dan kelemahan pengurusannya.



Demi kesejahteraan bangsa Johor, kami kemukakan Tawaran Tindakan (TT) berikut:



TT 1: Mewujudkan semula **Kad Sihat Johor**.

TT 2: Melaksanakan **Skim Perumahan Prihatin Johor (SPPJ)** dan **Skim Perumahan Belia Johor (SPBJ)**.

TT 3: Mewujudkan Kembali **Skim Takaful Warga Emas**.



TT 4: Bekerjasama dengan pihak NGO dan juga Kementerian Kesihatan untuk **mempertingkatkan perkhidmatan penjagaan Kesihatan Mental** terutamanya kepada Warga Emas dan Keluarga yang mengalami cabaran kesihatan mental akibat daripada PKP pada tahun 2020 and 2021.

TT 5: Sediakan **baucar tuisyen kepada pelajar sekolah rendah dan menengah yang tercicir** ("lost generation") akibat pembelajaran yang kurang berkesan sewaktu PKP dan pembelajaran atas talian.

TT 6: Mewujudkan **Jabatan Kanak-kanak dan Keluarga** di kerajaan negeri dan unit yang sama **di setiap PBT** untuk menjaga isu kanak-kanak dan keluarga.



TT 7: Mengembalikan semula **Insentif Siswa Harapan**.

TT 8: **Skim Kesihatan Wanita (Women Health)** - termasuk Ujian Percuma Mamogram dan Cancer Cervix.

TT 9: Program KIST - **KAD IBU SPECIAL TA'AZIM (KIST)** - Bantuan Barangan Asasi Kepada Ibu Tunggal B40.

TT 10: **Bayaran Muka ("Deposit") Motosikal untuk pembelian Kenderaan Motosikal** - pembayaran sebanyak 10% kepada B40 yang terpilih di setiap daerah bagi kegunaan kerja.

TT 11: **Membina Rumah Asnaf Tunggal (RATU)** yang berkeseorangan.

TT 12: **Memperkasakan program Sewa-Milik (R2O), Rumah Mesra Johor (RMJ), Rumah Sewa Kerajaan (RSK)**, Sistem Pembiayaan Kerjasama antara Kerajaan Johor dan pihak perbankan.

TERAS 3



**Mewujudkan Pentadbiran
Bersih, Cekap dan
Bermaruah**

- Kami berkeyakinan bahawa ketidakstabilan politik negara dan negeri-negeri kerap diganggu-gugat oleh kerakusan parti dan elit politik (**politikus**) yang tidak menghormati mandat rakyat melalui luns demokrasi. Ini **mesti dibanteras**.
- Kami mendukung kepercayaan bahawa **kerajaan yang stabil dan mendapatkan sokongan seluruh rakyat**, antara lain, adalah kerana **melaksanakan pentadbiran yang cekap, bersih dan berintegriti, beramanah dan bermaruah serta bebas salah-guna kuasa dan rasuah**.



Demi meneruskan kembali negeri Johor ke arah kerajaan Bersih, Amanah dan Bermaruah, PH kemukakan Tawaran Tindakan (TT) berikut:



TT 1: Melaksanakan enakmen **Anti-Lompat Parti**.

TT 2 : Melaksanakan **Persempadanan Semula ekoran Usul Kota Iskandar yang diterima sebulat suara dalam Sidang DUN Johor**. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan Mengkaji Impak Pertambahan Pengundi 18 tahun dan pengundi automatik serta akan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada Kerajaan dan Dewan Undangan Negeri Johor.

TT 3: Mewujudkan **pentadbiran yang inklusif**, di mana semua Bangsa Johor, tanpa diskriminasi berdasarkan kaum, agama, umur dan jantina akan mengecapi natijah dan hasil perpaduan dan pembangunan merentasi semua daerah.

TT 4: Bekerjasama dengan kerajaan persekutuan untuk menurunkan kuasa kepada kerajaan negeri sebagai langkah untuk **meningkatkan prestasi penghantaran perkhidmatan awam ("public service delivery")** dalam sektor kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam.

TT 5: **Pemberian peruntukan** kepada **pihak kerajaan dan pembangkang secara seimbang dan wajar**.



Sumber : Johorkini

TT 6: **Kerajaan yang mesra rakyat dan responsif** kepada permasalahan dan kepentingan rakyat.


TT 7: **Mereformasikan institusi-institusi kerajaan** supaya lebih cekap, bersih dan berintegriti.

TT 8: **Pendigitalan ("Digitalisation") perkhidmatan kerajaan negeri dan PBT** dan menetapkan KPI yang telus sebagai langkah untuk mempertingkatkan kecekapan kerajaan negeri dan PBT.

TT 9: **Mempertingkatkan prestasi GLC di bawah kerajaan negeri Johor** untuk menambahkan ketelusan dan akauntabiliti syarikat-syarikat ini dan memberikan visi dan misi yang sesuai kepada setiap GLC untuk mencapai matlamat kelestarian dan kecekapan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

TT 10: **Menambahkan dan memperkasakan sistem jawatankuasa di Dewan Undangan Negeri (DUN)** untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan DUN Johor.

JOHOR BANGKIT MAJU BERMARUAH



**JOHOR
— BANGKIT —**
柔佛启航 重建希望 ஜோகூரை
மீட்டுப்போம்